

07/05/2000

MIC serah senarai kepada Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: MIC akan mengemukakan nama calon bagi pilihan raya kecil Teluk Kemang, Negeri Sembilan, untuk pertimbangan dan persetujuan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa ini.

Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pengumuman nama calon pilihan akan dibuat di Teluk Kemang oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Isa Samad, selepas menerima persetujuan Dr Mahathir.

"Saya sudah menyenarai pendek nama dua calon dan akan membuat keputusan muktamad pada hari Isnin ini sebelum bertemu Dr Mahathir pada hari berikutnya.

"Walaupun begitu jentera BN sudah mula beroperasi di Teluk Kemang yang mana Umno, MCA dan MIC peringkat negeri sudah memantau keperluan dan masalah semasa yang dihadapi penduduk Teluk Kemang.

"Mengenai calon pilihan, saya tidak mahu mengulas lanjut, memadai jika dikatakan dua calon yang dipertimbangkan adalah anak kelahiran Port Dickson, Negeri Sembilan," katanya selepas hari penamaan calon MIC di sini, semalam.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menetapkan 30 Mei untuk penamaan calon dan 10 Jun untuk pengundian bagi pilihan raya kecil itu berikutan kematian S Anpalagan dari BN pada 28 April lalu.

Mendiang Anpalagan, 37, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, adalah antara nama yang disebut-sebut bagi pemilihan menjadi anggota Jawatankuasa Kerja Pusat MIC dalam pemilihan parti 27 Mei ini.

Samy Vellu sebelum ini menekankan bahawa beliau mahukan calon muda seperti mendiang Anpalagan bagi menggantikannya, selaras dengan sasaran MIC untuk meningkatkan pembabitian darah muda dalam kegiatan parti.

Tambah Samy Vellu, pemilihan calon muda juga akan membuka peluang kepada mereka untuk dilantik memegang jawatan dalam kerajaan memandangkan MIC hanya diperuntukkan tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri.

(END)